

³⁶⁰
NO. SOALAN : 360

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

SOALAN :

YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan daripada kejatuhan harga minyak, telah menyebabkan PETRONAS memberhentikan kakitangannya. Sehingga ke hari ini, berapakah yang telah diberhentikan mengikut jenis pekerjaan dan statusnya. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu para pekerja yang telah kehilangan pekerjaan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, situasi semasa kemerosotan harga minyak dunia merupakan situasi yang sungguh mencabar. Sepertimana syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain, penurunan harga minyak mentah dunia turut memberi kesan langsung kepada PETRONAS.

Sejumlah kira-kira 1,000 orang pekerja tempatan dan asing atau 1.9% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja PETRONAS terlibat di dalam proses pemberhentian lebihan pekerja secara berperingkat ini yang mana kebanyakannya merupakan kakitangan kontrak.

PETRONAS telah mengambil inisiatif termasuk menawarkan “*voluntary separation package*” yang didasarkan kepada peruntukan sedia ada dibawah Akta Kerja 1955. Bagi kakitangan kontrak, langkah yang diambil menjurus kepada ketidak pembaharuan kontrak.

Sekian, terima kasih.

November 2016